



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

ISSN 2093-8376



# LAPORAN TAHUNAN 2024

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG



*"Pemuliharaan Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat"*





**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR**



# VISI

PEMULIHARAAN ALAM  
SEKITAR UNTUK  
KESEJAHTERAAN RAKYAT



MEMASTIKAN  
PEMBANGUNAN LESTARI DI  
DALAM PROSES  
MEMAJUKAN NEGARA

# MISI

# DASAR ALAM SEKITAR NEGARA



## STRATEGI BAGI MENCAPAI OBJEKTIF



- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan segala Peraturan-Peraturan dibawahnya;
- Pengawasan segmen – segmen alam sekitar, bagi mengenal pasti sebarang perubahan yang berlaku terhadap kualiti alam sekitar;
- Perancangan projek pembangunan secara bersepadu dengan mengintegrasikan faktor-faktor alam sekitar dalam semua perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015.
- Pendidikan alam sekitar dan sebaran maklumat alam sekitar secara formal dan tidak formal diberi penekanan dengan mengadakan ceramah dan pameran, mewujudkan perpustakaan Jabatan serta pelbagai program Alam Sekitar.



# PIAGAM PELANGGAN

JABATAN ALAM SEKITAR

## WAWASAN

“Kami semua adalah peka, prihatin dan sentiasa mengkaji semula setiap peruntukan undang-undang, peraturan, kaedah, piawaian, prosedur dan budaya kerja kami supaya tidak menjejaskan atau membawa kepada kesan-kesan negatif kepada pertumbuhan pembangunan yang berterusan; malah kami akan membawa pelbagai pembaharuan yang mungkin, untuk bersama-sama mencapai matlamat”.

## PENGUATKUASAAN

2024



Semua aktiviti penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan sentiasa dipertingkat dan diperketatkan bagi menjamin pencapaian tahap pematuhan maksimum, serta dilaksanakan dengan tegas, adil dan saksama.

Semua kes tindakan mahkamah hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam tempoh enam bulan dari tarikh siasatan atau tarikh kesalahan.

### KELULUSAN PERANCANGAN PROJEK

- Keputusan permohonan Kebenaran Bertulis (KB) untuk membangunkan Premis-Premis yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) dikeluarkan dalam tempoh dua bulan.
- Keputusan permohonan Pemberitahuan Bertulis bagi pemasangan Alat Pembakaran Bahan Api (APB) dan alat-alat kawalan pencemaran udara dikeluarkan dalam tempoh tiga minggu.
- Keputusan ke atas laporan Kajian Awal EIA yang lengkap dikeluarkan dalam tempoh lima minggu.
- Keputusan permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) bagi aktiviti pembangunan baharu dikeluarkan dalam tempoh dua minggu.

### PENGELUARAN LESEN-LESEN


- Pengeluaran lesen bagi permohonan pengeluaran lesen kilang getah adalah selewat-lewatnya 31 Mac tiap-tiap tahun.
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen kilang kelapa sawit selewat-lewatnya 30 Jun tiap-tiap tahun.
- Pengeluaran lesen bagi permohonan pembaharuan lesen premis yang ditetapkan buangan terjadual adalah selewat-lewatnya 30 April tiap-tiap tahun.

### PENGADUAN UMUM

- Semua kes aduan berkaitan alam sekitar akan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh 7 hari hingga ke 14 hari.




# CARTA ALIR JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG




# BAHAGIAN OPERASI 2024

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG



PEGAWAI PENGUATKUASA  
BAHAGIAN OPERASI





---

BAB 01

---

PENGUATKUASAAN

---

PUNCA TETAP

---

# UNIT DIBAWAH PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG

UNIT SEBERANG PERAI  
UTARA

JAS CAWANGAN  
BAYAN LEPAS

UNIT SEBERANG  
PERAI TENGAH (1)

PREMIS YANG  
DITETAPKAN (PYDT)



UNIT SEBERANG  
PERAI TENGAH (2)

UNIT SEBERANG  
PERAI SELATAN



# RINGKASAN INVENTORI

## MENGIKUT PUNCA




**JUMLAH KESELURUHAN: 5856**

# BILANGAN INVENTORI PUNCA MENGIKUT AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974



# PENCAPAIAN 2024

## PENGUATKUASAAN



# GAMBAR-GAMBAR PENGUATKUASAAN PYBDT



# TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2024



## TINDAKAN PENGUATKUASAAN PYBDT MENGIKUT UNIT

PYBDT bagi kawasan Seberang Perai terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Selatan (SPS), dan Seberang Perai Tengah (SPT) yang pula dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu SPT 1 dan SPT 2, serta satu cawangan di Bayan Lepas (CBL). Jumlah keseluruhan premis di Pulau Pinang adalah sebanyak 5, 856.

Pada tahun 2024, Bahagian Operasi JAS Pulau Pinang telah menjalankan sebanyak 1,191 pemeriksaan penguatkuasaan terhadap premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) di seluruh negeri Pulau Pinang, merangkumi pelbagai jenis sektor industri yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 217 kompaun telah ditawarkan kepada premis-premis (punca tetap) di negeri Pulau Pinang atas kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.





## **Sejarah Jabatan Alam Sekitar**

ISSN 3093-8376

### **Diterbitkan oleh**

Jabatan Alam Sekitar  
Aras Bawah Zon B,  
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,  
13200 Kepala Batas,  
Pulau Pinang.

- Tel : 04-575 1911
- Faks : 04-575 1455
- Laman Web : [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

### **Edisi 2024**

Penyunting  
Bahagian Komunikasi Strategik  
Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang  
Malaysia.

Hak Cipta Jabatan Alam Sekitar

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekali pun tanpa izin daripada penerbit.

### **Dicetak oleh**

Vanda Dynamic Enterprise  
No. 195, Lebuhr Melaka  
Timor Laut  
10400 George Town  
Pulau Pinang

# SIDANG REDAKSI (EDITORIAL)

Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar  
Negeri Pulau Pinang 2024

## **Pengerusi**

En. Badlishah bin Ahmad  
Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

## **Timbalan Pengerusi**

Ts. Tn Hj Azman Shah Bin Ismail  
Timbalan Pengarah  
Ts. Dr. Abdul Rahman bin Mahmud  
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan)

## **Editor**

Pn. Norma binti Abdul Razak  
Unit Pendidikan dan Pengawasan

## **Penyumbang Maklumat**

Semua Bahagian & Unit  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang

“Sidang redaksi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah memberi kerjasama dalam penyediaan laporan tahunan 2024 ini.”

# ISI KANDUNGAN

# KANDUNGAN

- |    |  |    |  |
|----|--|----|--|
| 02 | <u>PRA-KATA</u>  | 54 | <b>BAB 08</b><br>INPUT PEMBANGUNAN BAGI PROJEK |
| 03 | <u>PENGENALAN</u>  |    |  |
| 07 | <u>PIAGAM PELANGGAN</u>  | 57 | <b>BAB 09</b><br>NOTIFIKASI                    |
| 13 | <b>BAB 01</b><br>PENGUATKUASAAN PUNCA TETAP                      | 61 | <b>BAB 10</b><br>PENGAWASAN ALAM SEKITAR       |
| 26 | <b>BAB 02</b><br>UNIT KENDERAAN BERMOTOR                         | 70 | <b>BAB 11</b><br>PENDIDIKAN & KESEDARAN        |
| 33 | <b>BAB 03</b><br>ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR                   | 87 | <b>BAB 12</b><br>PENTADBIRAN                   |
| 38 | <b>BAB 04</b><br>PENDAKWAAN PELESENAN                            | 90 | <b>BAB 13</b><br>LATIHAN PELAJAR INDUSTRI      |
| 41 | <b>BAB 05</b><br>PELESENAN                                       | 94 | <b>BAB 14</b><br>HUBUNGI KAMI                  |
| 44 | <u>PEMBANGUNAN</u>   |    |  |
| 46 | <b>BAB 06</b><br>PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM<br>SEKELILING (EIA) |    |  |
| 49 | <b>BAB 07</b><br>LAPORAN PENGUATKUASAAN EIA                      |    |  |

# SEJARAH PENUBUHAN JAS PULAU PINANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang ialah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penguatkuasaan peraturan alam sekitar sepertimana termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dinegara ini.

Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang pertama kali beroperasi di Wisma Peladang yang terletak di Jalan Kampung Gajah, Butterworth.

Kemudian pejabat ini berpindah operasi ke Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara dan beroperasi sehingga sekarang.

JAS Pulau Pinang juga mempunyai cawangan di Bayan Lepas yang menjalankan penguatkuasaan dan aduan punca.

- **Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang**

Aras Bawah Zon B,  
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,  
13200 Kepala Batas,  
Pulau Pinang.

- Tel : 04-575 1911
- Faks : 04-575 1455



- **Jabatan Alam Sekitar Bayan Lepas (Cawangan)**

Unit 4.3, Kompleks Mayang Mall, Jalan Mahsuri,  
Bandar bayan Baru,  
11900 Bayan Lepas,  
Pulau Pinang.

- Tel : 04-643 2112
- Faks : 04-643 0692



# PRAKATA FOREWORD



## *Bismillahirrahmanirrahim*

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Tahun 2024 memperlihatkan pelbagai pencapaian dalam usaha memelihara dan memantau kualiti alam sekitar di negeri ini. Walaupun secara keseluruhannya kualiti alam sekitar berada pada tahap yang baik, kita tidak dapat menafikan wujudnya cabaran serta beberapa insiden pencemaran yang menuntut perhatian serius. Situasi ini mengingatkan kita bahawa tanggungjawab menjaga alam sekitar bukan sahaja dipikul oleh pihak berkuasa semata-mata, tetapi memerlukan kerjasama menyeluruh daripada semua lapisan masyarakat.

Dalam menghadapi cabaran pengurusan alam sekitar yang semakin kompleks, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang terus komited melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, meningkatkan kesedaran awam, serta memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat. Keyakinan saya, dengan usaha bersama ini, kita mampu memastikan alam sekitar negeri Pulau Pinang kekal sejahtera, lestari dan diwariskan dalam keadaan yang terbaik kepada generasi akan datang.

Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan yang setulusnya kepada semua warga kerja Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang atas dedikasi dan komitmen tinggi yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2024. Terima kasih juga diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa berganding bahu dengan jabatan ini dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya.

*"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"*

Terima kasih

**Norazizi Bin Adnan**  
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang

## OBJEKTIF JABATAN ALAM SEKITAR



Mengawasi keadaan alam sekitar dengan menentukan kualiti segmen - segmen alam sekitar iaitu sungai, udara, air laut, dan tanah mematuhi garis panduan yang ada dan melaporkan kepada pihak - pihak berkenaan untuk tindakan pembaikan dan pemuliharaan



Mempertingkatkan perhubungan dengan agensi - agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memelihara, mengawal, dan mencegah kemerosotan kualiti alam sekitar



Mencegah masalah alam sekitar daripada berbangkit dengan memastikan penggerak projek mengambil kira faktor-faktor alam sekitar dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, program, pelan dan projek-projek pembangunan.

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), premis yang ditetapkan ditakrifkan sebagai premis yang dilesenkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 18, Akta 127. Premis yang ditetapkan ini merangkumi kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah, serta kilang atau kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

1. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978.
2. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) 1977.
3. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989.







Operasi premis-premis ini adalah tertakluk kepada keperluan Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), di mana pemilik premis perlu memiliki lesen daripada Jabatan Alam Sekitar bagi menduduki dan/atau menggunakan premis tersebut.

Berdasarkan rekod JAS Pulau Pinang pada 1 Januari 2024, bilangan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) yang dilesenkan oleh JAS adalah seperti berikut:

- 1 kilang getah asli mentah
- 2 kilang kelapa sawit mentah
- 55 kilang atau kemudahan pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual



# TINDAKAN PENGUATKUASAAN TAHUN 2024 BAGI UNIT PYDT

 <b>21</b> NOTIS	 <b>1</b> KOMPAUN	 <b>1</b> KERTAS SIASATAN
 <b>180</b> PEMERIKSAAN DI LAPANGAN	 <b>0</b> PERINTAH LARANGAN	 <b>0</b> PENAHAN KELENGKAPAN

# GAMBAR-GAMBAR PEMERIKSAAN DI LAPANGAN



# OPERASI GEMPUR JAS PULAU PINANG 2024

Pada tahun 2024, JAS Pulau Pinang telah mengambil inisiatif melaksanakan Operasi Gempur, iaitu operasi penguatkuasaan bersasar secara besar-besaran ke atas premis-premis yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Operasi ini bertujuan untuk mempertingkatkan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 127 dalam usaha menangani isu-isu pencemaran alam sekitar yang berpotensi menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.


Selain itu, operasi ini juga dilaksanakan bagi mencegah kejadian pencemaran air yang boleh menyebabkan henti tugas loji bekalan air. Operasi Gempur telah dijalankan secara berkala di seluruh negara, termasuk Pulau Pinang, dengan pelaksanaan secara bersepadu bersama pelbagai agensi penguat kuasa yang berkaitan, mengikut bidang kuasa masing-masing, bagi meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan ke atas premis-premis yang berisiko.

Fokus penguatkuasaan Operasi Gempur diberikan kepada premis atau punca-punca pencemaran yang memenuhi salah satu atau lebih daripada kriteria berikut:

- Terletak di hulu takat pengambilan air
- Mempunyai rekod aduan yang kerap
- Menghasilkan beban pencemar yang tinggi
- Premis bermasalah yang sering dikenakan tindakan penguatkuasaan
- Premis yang dilesenkan oleh JAS
- Premis yang menghasilkan buangan terjadual dalam kuantiti yang tinggi
- Terletak di kawasan yang mempunyai isu alam sekitar

Sepanjang tahun 2024, JAS Pulau Pinang telah melaksanakan operasi yang melibatkan 250 premis daripada pelbagai jenis industri. Hasil daripada pelaksanaan operasi tersebut, sebanyak 367 tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 127 telah diambil terhadap premis yang gagal mematuhi peruntukan akta. Tindakan tersebut meliputi 224 arahan lapangan, 69 notis arahan, 63 tawaran kompaun, 3 penahanan operasi kelengkapan dan 8 penyediaan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah.





---

BAB 02

---

UNIT KENDERAAN

---

BERMOTOR

---

# PENGUATKUASAAN KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR

Unit Kenderaan Bermotor merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Operasi JAS Pulau Pinang yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan seperti berikut:

 <p>KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN BERENJIN DIESEL</p>	 <p>KAWALAN PELEPASAN DARIPADA KENDERAAN PETROL TERMASUK MOTOSIKAL</p>	 <p>OPERASI CATAT DAN RAKAMAN VIDEO KAMERA PELEPASAN ASAP KENDERAAN DIESEL</p>
 <p>KAWALAN BUNYI BISING KENDERAAN MOTOR (MOTOSIKAL)</p>	 <p>PENGUATKUASAAN KE ATAS REFRIGERAN PADA ALAT PENDINGIN UDARA KENDERAAN SERTA BENGKEL SERVIS PENDINGIN UDARA KENDERAAN</p>	 <p>PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL) &amp; PEMERIKSAAN UJIAN SAKSI</p>
 <p>PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)</p>	 <p>PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN YANG DI HENTIKAN DALAM KAWASAN TERTUTUP, SEPARA TERTUTUP ATAU MANA-MANA HENTIAN TIDAK MELEBIHI 3 MINIT</p>	 <p>PERSAMPELAN KANDUNGAN BAHAN API PETROL DAN DIESEL</p>

## UNIT KENDERAAN BERMOTOR (KAWALAN PELEPASAN ASAP HITAM KENDERAAN)


Aktiviti penguatkuasaan pelepasan asap hitam dilaksanakan melalui dua program utama, iaitu Program Operasi (Ops) Bersepadu bersama pelbagai agensi kerajaan dan Program Ops GERAK Jabatan Alam Sekitar (JAS) peringkat kebangsaan. Kedua-dua program ini bertujuan untuk mengurangkan pencemaran udara yang berpunca daripada pelepasan asap hitam oleh kenderaan bermotor, serta memastikan pematuhan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Setiap kenderaan yang ditahan dalam operasi ini akan melalui dua peringkat ujian. Peringkat pertama ialah ujian pemerhatian secara visual, di mana pegawai akan menekan pedal kenderaan bagi mengenal pasti pelepasan asap hitam yang melebihi paras yang dibenarkan. Sekiranya kenderaan disyaki melepaskan asap hitam berlebihan, ia akan melalui ujian kedua menggunakan peralatan meter asap seperti LPA TEN, Tecnomotor OPA 840 Plus atau Muller Bem 898. Ujian ini dilakukan untuk mendapatkan bacaan yang lebih tepat mengenai kadar pelepasan asap hitam yang dikeluarkan oleh kenderaan.


Kenderaan yang mencatat pelepasan melebihi had 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) atau 50.0% akan dikenakan tindakan kompaun selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol dan Enjin Diesel) 1996.



# AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNIT KENDERAAN BERMOTOR TAHUN 2024



# PENCAPAIAN UNIT KENDERAAN BERMOTOR TAHUN 2024



## OPERASI STATIK KAWALAN PELEPASAN ASAP HITAM KENDERAAN BERENJIN DIESEL DAN ENJIN PETROL

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 28 operasi penguatkuasaan telah dijalankan oleh JAS Pulau Pinang. Operasi ini dijalankan secara statik dan bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, pihak pengurusan Lebuhraya PLUS, serta agensi-agensi lain yang turut serta dalam pelaksanaan operasi tersebut.

Penguatkuasaan terhadap pelepasan asap kenderaan dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 bagi memastikan kenderaan tidak melepaskan asap hitam melebihi had yang ditetapkan iaitu 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) atau 50.0%. Pemilik kenderaan yang gagal mematuhi Peraturan 11(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 boleh dikenakan tindakan kompaun tidak melebihi RM2,000.00.

Manakala, penguatkuasaan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 pula bertujuan memastikan pelepasan gas karbon monoksida (CO) tidak melebihi 3.5% dan hidrokarbon (HC) tidak melebihi 600 ppm. Bagi kenderaan yang gagal mematuhi Peraturan 11 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996, tindakan kompaun yang sama juga boleh dikenakan.

Selain itu, pemilik kenderaan turut boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM5,000.00 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali, sekiranya kenderaan yang diperiksa didapati gagal mematuhi Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Seksyen ini memperuntukkan kewajipan untuk memastikan kenderaan diselenggara dengan baik serta diuji semula di kemudahan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling (KPAS).



## OPERASI STATIK KAWALAN BUNYI BISING KENDERAAN & PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 23 operasi penguatkuasaan ke atas motosikal telah dijalankan oleh JAS Pulau Pinang. Operasi ini dilaksanakan secara statik dan bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk Ibu Pejabat Kontinjen Polis Diraja Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Pulau Pinang, pihak pengurusan Lebuhraya PLUS serta agensi-agensi lain yang terlibat dalam pelaksanaan operasi tersebut.

Penguatkuasaan terhadap pelepasan bunyi bising daripada motosikal dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 bagi memastikan motosikal tidak mengeluarkan bunyi bising melebihi had 95 desibel [dB(A)], khususnya bagi motosikal yang dipasang selepas 1 Januari 1990.

Penunggang atau pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 boleh dikenakan tindakan kompaun tidak melebihi RM2,000.00. Selain itu, sekiranya pemeriksaan mendapati kenderaan gagal mematuhi kehendak Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, pemilik boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM5,000.00 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen ini memperuntukkan keperluan agar kenderaan diselenggara dengan sempurna dan diuji semula di kemudahan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS).

Bagi memastikan pematuhan kepada had pelepasan bunyi, operasi ini juga bertujuan menangani gejala lumba haram dan kegiatan rempit di jalan raya yang semakin membimbangkan dan boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain serta ketenteraman awam.

Selain itu, bagi memastikan motosikal tidak melepaskan gas yang mencemarkan alam sekitar, semua motosikal adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003. Semua motosikal yang dipasang atau dibina selepas 1 Januari 2004 perlu mematuhi had pelepasan bergas bagi karbon monoksida tidak melebihi 4.5%. Kegagalan mematuhi had pelepasan ini, boleh dikenakan kompaun di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.





---

BAB 03

---

ADUAN

---


PENCEMARAN ALAM

---

# JENIS-JENIS ADUAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2024




## TREND ADUAN PENCEMARAN MENGIKUT TAHUN



# JENIS-JENIS ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA PADA TAHUN 2024

 <p><b>0</b> TAPAK PELUPUSAN HARAM BUANGAN TERJADUAL</p>	 <p><b>13</b> TAPAK PELUPUSAN HARAM BERJADUAL</p>	 <p><b>8</b> BERLUKAR (B)</p>	 <p><b>5</b> HUTAN</p>
 <p><b>15</b> KEAGAMAAN</p>	 <p><b>0</b> LADANG GETAH</p>	 <p><b>0</b> LADANG KELAPA SAWIT</p>	 <p><b>0</b> LADANG NENAS</p>
 <p><b>0</b> LADANG TEBU</p>	 <p><b>3</b> LADANG TERNAKAN</p>	 <p><b>0</b> LAIN-LAIN</p>	 <p><b>0</b> PROJEK EIA</p>
	 <p><b>595</b> SAMPAH SARAP</p>	 <p><b>7</b> SAWAH PADI</p>	

## JENIS-JENIS SIASATAN YANG DIAMBIL DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL 2024



# GAMBAR-GAMBAR ADUAN PENCEMARAN ALAM





---

BAB 04

---

PENDAKWAAN


---

# KES MAHKAMAH BAGI TAHUN 2024



# STATUS KOMPAUN MENGIKUT KESALAHAN TAHUN 2024

Bil	PERATURAN/SEKSYEN	KOMPAUN KELUAR
1	PKAS (DIESEL)	102
2	PKAS (PETROL)	0
3	PPKAS (BT) 2005	99
4	Sek. 29A, AKAS	11
5	PPKAS (EP) 2009	14
6	PPKAS (Kumbahan) 2009	1
7	PPKAS (Kambus Tanah) 2009	0
8	PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987	132





---

BAB 05

---

PERLESENAN

---

# AKTIVITI UNIT PERLESENAN

<b>LESEN</b>  <b>60</b>  PYDT BUANGAN TERJADUAL/ PARTIAL	<b>LESEN PELANGGARAN</b>  <b>6</b>  PYDT BUANGAN TERJADUAL/ PARTIAL	<b>LESEN</b>  <b>1</b>  PYDT KILANG GETAH ASLI MALAYSIA	<b>LESEN</b>  <b>2</b>  PYDT KILANG KELAPA SAWIT
---	--	--	---

<b>LESEN</b>  <b>1</b>  PYDT INCINERATOR	<b>20</b>  KEBENARAN BERTULIS KB19	<b>148</b>  TAMBAHAN/PINDAAN BT DAN PEMANDU
<b>9</b>  LAWATAN PRA- PERLESENAN	<b>20</b>  PINDAAN SYARAT LESEN	<b>1064</b>  PERMOHONAN TWG



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN **2024**

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG



PEGAWAI PENGUATKUASA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN





---

BAB 06

---

PENILAIAN KESAN

---

KEPADA ALAM

---

SEKELILING (EIA)

---

## UNIT PENILAIAN EIA

Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) menetapkan bahawa mana-mana pihak yang bercadang untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah terlebih dahulu mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment, EIA) kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan dan kelulusan.

Senarai aktiviti yang ditetapkan telah dinyatakan secara terperinci dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Bagi aktiviti di bawah Jadual Pertama, penilaian Laporan EIA adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar Negeri dan kelulusan laporan tersebut akan ditandatangani oleh Pengarah JAS Negeri.

Penilaian terhadap Laporan EIA dilaksanakan mengikut Prosedur Kualiti - Penilaian Laporan EIA Jadual Pertama yang dibangunkan oleh JAS Ibu Pejabat serta berpandukan kepada Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia. Tempoh penilaian yang ditetapkan bagi laporan lengkap adalah selama 25 hari bekerja dari tarikh penerimaan.

Pelaksanaan yang teliti terhadap peruntukan Seksyen 34A ini penting bagi memastikan sebarang aktiviti pembangunan yang dicadangkan tidak memberikan kesan negatif yang ketara kepada alam sekitar dan kesejahteraan awam.



# PENILAIAN LAPORAN EIA

Jenis Aktiviti	2021	2022	2023	2024
Pengolahan dan Pelupusan Buangan	10	7	15	12
Pembangunan di Kawasan Pantai	4	6	12	6
Pembangunan di Kawasan Cerun	4	10	11	3
Kuari	0	0	2	4
Estet perindustrian	3	10	16	3
Perumahan	4	4	4	0
Tebusguna tanah	1	0	0	1
Jumlah Laporan EIA diterima	27	40	53	30



BAB 07  
LAPORAN  
PENGUATKUASAAN  
EIA



# UNIT POST EIA

Unit Post-EIA berperanan penting dalam memastikan syarat-syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang telah dikeluarkan kepada pemaju projek dipatuhi sepenuhnya. Pemantauan ini amat penting bagi memastikan kesan daripada aktiviti pembangunan terhadap alam sekitar dapat dikawal, selaras dengan matlamat ke arah pembangunan lestari.

Pada tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang melalui Unit Post-EIA telah menjalankan sebanyak 102 lawatan penguatkuasaan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA bagi projek-projek di negeri Pulau Pinang. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam menilai dan mengulas laporan, yang merangkumi Laporan Pengawasan Bulanan serta Laporan Audit Alam Sekitar yang dikemukakan oleh penggerak projek.

Bagi meningkatkan kecekapan pemantauan, teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) serta penggunaan drone turut dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk tujuan pemetaan dan pemantauan lokasi projek secara lebih efektif.

Sejak tahun 2017, Unit Post-EIA juga telah diberi tanggungjawab tambahan untuk menilai Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) yang merupakan salah satu dokumen penting dalam memastikan pematuhan terhadap undang-undang berkaitan alam sekitar.



# PENGUATKUASAAN EIA 2024

Pada tahun 2024, Unit Post-EIA, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang telah melaksanakan penguatkuasaan terhadap projek-projek pembangunan yang telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan sedang aktif menjalankan kerja tanah. Sebanyak 121 projek telah dikenal pasti sebagai sasaran siasatan, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 104 siasatan telah dijalankan.

Daripada 104 siasatan tersebut, hasil pemantauan menunjukkan bahawa:


- 55 projek (52.9%) didapati mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA.
- 49 projek (47.1%) didapati tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan.
- Selain itu, sebanyak 74 aduan berkenaan projek EIA telah disiasat sepanjang tempoh laporan ini.

Bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan, tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah seperti berikut:

- 102 Field Citation telah dikeluarkan ke atas projek yang terlibat.
- 29 Notis Arahan telah dikeluarkan.
- Tiada kompaun dikenakan sepanjang tempoh tersebut.



# PENGUATKUASAAN EIA 2024



# GAMBAR-GAMBAR PENGUATKUASAAN EIA 2024





---

BAB 08

---

INPUT

---

PEMBANGUNAN

---

BAGI PROJEK

---

PEMBANGUNAN

---

# UNIT INPUT PEMBANGUNAN

Unit Input Pembangunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menilai dan memberikan input terhadap cadangan pembangunan yang dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, serta permohonan yang diterima daripada agensi-agensy kerajaan lain.


Penilaian yang dijalankan mengambil kira pematuhan terhadap dasar perancangan negeri seperti Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, keperluan penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) berdasarkan jenis aktiviti pembangunan yang dicadangkan, serta kesesuaian tapak cadangan dari sudut sensitiviti alam sekitar.

Aspek penting yang diberi perhatian termasuklah potensi risiko pencemaran terhadap kawasan berdekatan yang dikenalpasti sebagai reseptor sensitif seperti kawasan perumahan, institusi pendidikan, fasiliti kesihatan, dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.

Fungsi utama unit ini adalah untuk memastikan pembangunan yang dijalankan adalah selaras dengan prinsip pembangunan lestari dan tidak menjejaskan alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat sekeliling.



# PECAHAN INPUT PEMBANGUNAN YANG DITERIMA MENGIKUT SUMBER PERMOHONAN 2024





---

BAB 09

---

NOTIFIKASI

---

# UNIT NOTIFIKASI

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang berkaitan, pihak industri atau premis diwajibkan untuk mengemukakan Pemberitahuan Bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum melaksanakan sebarang kerja pembinaan, pemasangan, peningkatan atau pengubahsuaian terhadap sistem kawalan pencemaran di premis masing-masing.

Pemberitahuan ini hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum sebarang kerja dimulakan, bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan teknikal dan perundangan yang telah ditetapkan. Sistem yang tertakluk kepada keperluan ini termasuklah alat pembakaran bahan api, alat atau sistem kawalan pencemaran udara, sistem pengolahan efluen perindustrian, sistem pengolahan kumbahan, serta sistem pengolahan larut resapan.

Reka bentuk sistem kawalan pencemaran perlu disediakan mengikut dokumen panduan teknikal yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pelepasan dari sistem hendaklah mematuhi had-had yang ditetapkan. Kegagalan untuk mengemukakan Pemberitahuan Bertulis adalah satu kesalahan di bawah peraturan-peraturan tersebut.


Pemberitahuan Bertulis ini perlu dikemukakan selaras dengan peraturan-peraturan berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014


Sepanjang tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang telah menerima sebanyak 469 dokumen Perisytiharan Bertulis beserta Lukisan Sebagaimana Binaan bagi alat pembakaran bahan api dan sistem kawalan pencemaran udara. Di samping itu, sebanyak 32 Akuan Bertulis dengan Lukisan Seperti Dibina telah diterima bagi sistem pengolahan efluen perindustrian.



# PENCAPAIAN NOTIFIKASI APB, SKPU, SPEP, DAN SISTEM PENGOLAHAN KUMBAHAN TAHUN 2024







---

BAB 10

---

PENGAWASAN

---

ALAM SEKITAR

---

## GAMBAR-GAMBAR UNIT PENGAWASAN 2024

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) 4 LEMBANGAN, 20 SUNGAI, 32 STESEN MANUAL		MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) 3 LEMBANGAN, 14 SUNGAI, 26 STESEN MANUAL	
LEMBANGAN	SUNGAI	LEMBANGAN	SUNGAI
PERAI (9 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ KUBANG SEMANG</li> <li>✓ KEREH</li> <li>✓ JARAH</li> <li>✓ AIR MELINTAS</li> <li>✓ PERTAMA</li> <li>✓ PERAI</li> </ul>	BAYAN LEPAS (3 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ BAYAN LEPAS</li> <li>✓ TIRAM</li> </ul>
JURU (13 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ JURU</li> <li>✓ KILANG UBI</li> <li>✓ PERMATANG RAWA</li> <li>✓ PASIR</li> <li>✓ RAMBAI</li> <li>✓ ARA</li> </ul>	KLUANG (5 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ KLUANG</li> <li>✓ ARA</li> <li>✓ RELAU</li> <li>✓ DUA BESAR</li> </ul>
JAWI (6 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ CHEMPEDAK</li> <li>✓ JUNJONG</li> <li>✓ TENGAH</li> <li>✓ MACHANG BUBOK</li> <li>✓ JAWI</li> </ul>	PINANG (18 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ BATU FERRINGHI</li> <li>✓ PINANG</li> <li>✓ TITI KERAWANG</li> <li>✓ AIR ITAM</li> <li>✓ SATU</li> <li>✓ AIR TERJUN</li> <li>✓ JELUTONG</li> <li>✓ DONDANG</li> </ul>
KERIAN (4 STESEN)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ KECHIL</li> <li>✓ KERIAN</li> </ul>		

STESEN SUNGAI AUTOMATIK		
ID	LOKASI	TEMPAT
CR04P	Sg. Kulim, Pulau Pinang (Intake Toh Alang)	Kampung Tun Sardon, Mukim 13, Daerah Utara




## GAMBAR-GAMBAR STESEN MANUAL




## STESEN SUNGAI AUTOMATIK



## STESEN MARIN JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG



## GAMBAR-GAMBAR KERJA PERSAMPELAN MARIN



# STESEN UDARA

## JABATAN ALAM SEKITAR

BIL.	ID STESEN	TEMPAT	LOKASI	TOTAL: 4 STESEN AUTOMATIK
1.	CA06P	<u>Sek.Keb. Seberang Jaya II</u>	Seberang Jaya, <u>Pulau Pinang</u>	
2.	CA07P	<u>Kolej Vokasional Seberang Perai</u>	Seberang Perai, <u>Pulau Pinang</u>	
3.	CA08P	<u>Universiti Sains Malaysia</u>	Minden, <u>Pulau Pinang</u>	
4.	CA09P	<u>Kolej Vokasional Balik Pulau</u>	Balik Pulau, <u>Pulau Pinang</u>	



CA06P



CA07P



CA08P



CA09P

# STESEN TELAGA BAWAH TANAH

## JABATAN ALAM SEKITAR

### PULAU PINANG

NOMBOR TELAGA	LOKASI TELAGA	LATITUD & LONGTITUD	KEDALAMAN (M)	JENIS GUNA TANAH
MW (7) - P510010 - 4 - 7.45	PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR	N 5.25300 E 100.493800	7.45	PENANAMAN BANGKAI HAIWAN
MW (7) - P510010 - 5 - 6.78	PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR	N 5.24000 E 100.492800	6.78	PENANAMAN BANGKAI HAIWAN
MW (7) - P510010 - 6 - 7.30	PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR	N 5.25400 E 100.491800	7.30	PENANAMAN BANGKAI HAIWAN
MW (7) - P510010 - 1 - 4.5	MAK MANDIN (MAGRI)	N 5.415900 E 100.385700	4.50	INDUSTRI
MW (7) - P510010 - 2 - 6.50	MAK MANDIN (KASTAM)	N 5.403200 E 100.391500	6.50	INDUSTRI
MW (7) - P510010 - 3 - 4.34	BAYAN LEPAS	N 5.308600 E 100.296300	6.50	INDUSTRI
<b>TOTAL : 6 STESEN TELAGA BAWAH TANAH</b>				



PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR



PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR



PERKAMPUNGAN LADANG VALDOR



MAK MANDIN (MAGRI)



MAK MANDIN (KASTAM)



BAYAN LEPAS

# GAMBAR-GAMBAR PERSAMPELAN AIR BAWAH TANAH







BAB 11

PENDIDIKAN



# PENCAPAIAN PROGRAM PENDIDIKAN & KESEDARAN



# PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR





**Explorace**



**Coral planting**



**Upcycle**



**Seminar**



**Taklimat**



**Mewarna**

# KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Nama Program Aktiviti Kesedaran Mencegah Pencemaran Air, Udara atau Buangan Terjadual
Pembersihan Pantai - Aktiviti Kesukarelawanan Pandu Puteri - Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tuanku Bainun bersama JAS
Safety Day - KAO Penang Group. Demonstrasi ERP sekiranya berlaku pencemaran
Amalan Hijau - Aktiviti Pengumpulan Minyak Masak dan Taman Hijau
Beach Clean Up bersama Kerry Ingredients Sdn. Bhd.
Latihan Simulasi Bencana Industri - Tumpahan BT & Pelepasan Gas
Pengumpulan Bahan Kitar Semula
Program Beach Clean Up Sempena Hari Pelaut dan Rumah Api Peringkat Kebangsaan
Program Jelajah Kempen Larangan Pembakaran Terbuka Kepada Komuniti di Pulau Pinang
Majlis Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Peringkat Negeri Pulau Pinang
Program Penanaman Bakau Anjuran IJM Construction Sdn. Bhd.
Plogging di Program Penang River Festival 2.0
"Renasas Nature Review: Herbs Garden & Waterfall Pool Clean Up"
Program Sejahtera Komuniti Veteran ATM - Gotong Royong Pembersihan Pantai
Hakim Pertandingan Upcycling 2024 Bakat Murid Anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR



***JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG***  
Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam

Aras Bawah Zon B & Tingkat 1,  
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,  
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

☎ 04-5751911  
☎ 04-5751455  
🌐 [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)

# SAMBUTAN HARI BUMI 2024

Sambutan Hari Bumi diraikan pada 22 April setiap tahun di seluruh dunia sebagai satu usaha untuk menghargai bumi serta menyemai rasa tanggungjawab dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk melindungi alam sekitar.

Bagi tahun 2024, tema sambutan Hari Bumi adalah "Planet vs Plastics", yang membawa mesej penting tentang keperluan untuk melabur dalam tindakan lestari demi masa depan bumi. Program ini telah melibatkan penyertaan pelbagai pihak merangkumi agensi kerajaan, sektor swasta, institusi awam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Aktiviti Sempena Hari Bumi	Tarikh	Tempat
Taklimat Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar	8 Februari 2024	Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara
Pembersihan Pantai - Aktiviti Kesukarelawanan Pandu Puteri - Institut Pendidikan Guru	21 Februari 2024	Teluk Bayu
Penanaman Pokok Merambong - Aktiviti Kesukarelawanan Pandu Puteri - Institut Pendidikan Guru	21 Februari 2024	Teluk Bayu
Earth Day Orchid Show - Pameran	28-31 Mac 2024	Straits Quay, Penang
Earth Day Orchid Show - Pengumpulan E-waste	29 Mac 2024	Straits Quay, Penang
Program Singgah Sahur "Cintai Allah, Cintai Alam" bersempena Hari Bumi di Maahad Tahfiz	23 Mac 2024	Maahad Tahfiz Nahdhatul Islah, Kubang Semang
Penanaman Pokok Bakau- Program Penanaman 1 Juta Pokok di bawah TYT Pulau	22 Apr 2024	Sg Terus, Penang
Penanaman Pokok Bakau- Program Penanaman 1 Juta Pokok di bawah TYT Pulau	22 Apr 2024	Institut Kemahiran Mara, Penang
Seminar Buangan Terjadual & Majlis Penyerahan Lesen sempena Hari Bumi	24 Apr 2024	Hotel Bertam Resort

## PROGRAM PENANAMAN POKOK ANJURAN MSM PRAI BERHAD DALAM MENYOKONG PROGRAM PENANAMAN 1 JUTA POKOK YAYASAN AMAL TYT PULAU PINANG

Sempena Sambutan Hari Bumi 2024, satu program penanaman 1 Juta pokok Yayasan Amal TYT Pulau Pinang dianjurkan oleh pihak MSM Prai Berhad di Kampung Terus, Kubang Semang, Pulau Pinang.

Program ini telah menggabungkan agensi kerajaan, pihak swasta, sektor pendidikan dan pihak komuniti dalam satu platform pemuliharaan alam sekitar dengan menjalankan aktiviti penanaman pokok. Mesej yang disampaikan bertepatan dengan tema Hari Bumi 2024 iaitu "Planet vs. Plastik".

Program ini dianjurkan oleh MSM Prai Berhad dan dibantu oleh pihak komuniti iaitu MPKK Kampung Terus dan pihak dari sektor pendidikan Tingkatan 6 SMK Penanti. Sebanyak 1350 dari 8 spesis pokok ditanam di Kampung Terus. Program Penanaman 1 Juta Pokok ini berlangsung secara serentak di seluruh Pulau Pinang yang melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat di setiap daerah.



## SEMINAR KELESTARIAN DALAM AKTIVITI INDUSTRI DAN PEMBANGUNAN SEMPERA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Sempena Sambutan Hari Bumi 2024, JAS Pulau Pinang dan KASPEN telah menganjurkan seminar Kelestarian Dalam Aktiviti Industri dan Pembangunan telah berlangsung pada 19 Julai 2024 di The Light Hotel, Seberang Jaya bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, Exco Perumahan dan Alam Sekitar.



Seminar ini telah dihadiri lebih kurang 200 peserta yang terdiri daripada perunding, pemaju projek, pegawai alam sekitar (EO) dan pihak industri. Turut serta dalam siri seminar kali ini adalah lima pempamer dari syarikat berkaitan dengan pengurusan dan pelupusan buangan terjadual, jururunding alat kawalan pencemaran serta perunding alam sekitar.



## SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Hari Alam Sekitar Sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun dan membawa tema yang berbeza setiap tahun seperti yang ditetapkan oleh United Nations Environment Programme (UNEP). Bagi tahun 2024, tema yang telah dipilih ialah "Land restoration, desertification and drought resilience", dengan penekanan terhadap usaha mencari penyelesaian terhadap pencemaran plastik yang semakin membimbangkan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang telah turut serta dalam pelbagai aktiviti sempena sambutan ini dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar, khususnya dalam konteks mengurangkan pencemaran plastik.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah melibatkan penyertaan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan dan komuniti setempat. Kesemua program yang dilaksanakan bertujuan menyemai rasa tanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar serta memupuk budaya hijau dalam kalangan masyarakat.

Senarai aktiviti yang dijalankan sempena sambutan ini akan disenaraikan mengikut turutan setelah maklumat lanjut disediakan.



Program Choral Restoration anjuran MSM Prai Berhad



Taklimat Konservasi Penyu dalam Program Friend of Sea Turtle Program bersempena Hari Penyu Sedunia & Hari Alam Sekitar Sedunia




Program Eco-School Sekolah Lestari

## FOMDEX CORAL RESTORATION BERSEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2024

Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 yang bertemakan “Land restoration, desertification and drought resilience” satu program kesedaran alam sekitar telah dianjurkan kerjasama KESADRA, PSSTLDM KD Sri Pinang, JAS Pulau Pinang, PSSTLDM Setiu, Jabatan Perikanan Terengganu dan Jabatan Taman Laut Terengganu telah diadakan di Pulau Perhentian dari 8-9 Jun 2024.

Program yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat ini diadakan adalah untuk memberikan kesedaran kepentingan menjaga alam sekitar kepada para peserta melalui aktiviti restorasi karang yang membolehkan terumbu karang hidup dan membiak di kawasan berkenaan.

Program ini berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan sambil menyampaikan mesej alam sekitar kepada generasi muda. Penyertaan aktif para pelajar serta sokongan daripada guru-guru dan komuniti sekolah menjadikan program ini sebagai satu usaha berterusan dalam mendidik anak-anak tentang peranan mereka sebagai penjaga alam sekitar pada masa hadapan.



# SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA

Sambutan Hari Ozon Sedunia diraikan pada 16 September 2024 dengan tema yang ditetapkan di bawah Montreal Protocol, iaitu: Advancing Climate Action". Tema ini menekankan usaha global bukan sahaja dalam pemulihan lapisan ozon, tetapi juga dalam usaha global menangani perubahan iklim.



Bersempena sambutan ini, pelbagai aktiviti kesedaran telah dilaksanakan sebagai langkah mempromosi kempen penjagaan alam sekitar, khususnya berkaitan isu penipisan lapisan ozon. Aktiviti yang dijalankan merangkumi ceramah kesedaran, aktiviti pendidikan di sekolah, pameran interaktif dan edaran bahan informasi kepada masyarakat umum.



Program ini berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan sambil menyampaikan mesej alam sekitar kepada generasi muda. Penyertaan aktif para pelajar serta sokongan daripada guru-guru dan komuniti sekolah menjadikan program ini sebagai satu usaha berterusan dalam mendidik anak-anak tentang peranan mereka sebagai penjaga alam sekitar pada masa hadapan.



## KEMPAEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK ISI RUMAH (HOUSEHOLD E-WASTE)





## PROGRAM BEACH CLEANUP DI PANTAI BERSIH, BUTTERWORTH PULAU PINANG

Program ini turut melibatkan penyertaan dari pihak industri iaitu Kerry Ingredients (M) Sdn Bhd. Program ini dilaksanakan sempena program “Small Act Matters”, iaitu program kelestarian alam sekitar yang akan dilaksanakan pada bulan Jun. Inisiatif ini dapat menyemai kesedaran kepada kalangan peserta dan juga masyarakat secara tidak langsung dapat memelihara alam sekitar dan memulihara persekitaran pantai.



Isu-isu sampah di pantai tidak asing lagi pada pandangan masyarakat. Walaupun telah disediakan tong sampah, masih ada lagi segelintir masyarakat yang tidak endah dengan meletakkan plastik makanan, botol minuman dan sisa makanan dicelah-celah batuan atau ditinggalkan begitu sahaja.



Semoga usaha sama yang erat dikalangan JAS dan Kerry Ingredients (M) Sdn Bhd dalam menyokong usaha-usaha kesedaran alam sekitar ini dapat diteruskan bagi melahirkan generasi alam sekitar selaras dengan moto Jabatan Alam Sekitar iaitu ‘Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama’.



# MAJLIS SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024



## MAJLIS SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024



BAHAGIAN  
PENTADBIRAN **2024**  
JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG





---


BAB 12

---

PENTADBIRAN

---

# PENJAWATAN JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG 2024



# ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024

JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG





---

BAB 13

---

LATIHAN

---

PELAJAR

---

INDUSTRI

---

# ISI LATIHAN INDUSTRI



NAMA	TEMPOH LATIHAN	PUSAT PENGAJIAN	JURUSAN	PENEMPATAM
KU BARIYYATUL BUSHRO BINTI KU ANUAR	29/1/24 - 14/6/24	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH	DIPLOMA IN ENVIRONMENTAL ENGINEERING	JAS KEPALA BATAS
NURUL AINI SYAZWANI BINTI NASERI	29/1/24 - 14/6/24	POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH	DIPLOMA IN ENVIRONMENTAL ENGINEERING	JAS KEPALA BATAS
HALIMATUL ALIYAH BINTI OTHMAN	18/3/24-18/6/24	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	BACHELOR'S DEGREE OF SCIENCE IN BIOTECHNOLOGY WITH HONOR	JAS KEPALA BATAS
MUHAMMAD IZRAN BIN RULIZA	4/3/24-16/8/24	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	BACHELOR MARINE SCIENCE AND TECHNOLOGY M	JAS KEPALA BATAS
FARISHA LIYANA BINTI FAUZI	18/3/24-28/6/24	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	BACHELOR'S DEGREE IN HERITAGE STUDIES	JAS KEPALA BATAS
NURUL HUSNA BINTI JURANI	19/2/24-09/8/24	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN	BACHELOR OF CIVIL ENGINEERING TECHNOLOGY (ENVIRONMENT)	JAS BAYAN LEPAS
NUR ATIQA BINTI ROSLAN	19/3/24-06/7/24	UNIVERSITI MALYSIA KELANTAN	BACHELOR OF HONORS SUSTAINABLE SCIENCE	JAS KEPALA BATAS



# GAMBAR PELAJAR INDUSTRI JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2024





KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR



**JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG**  
Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam

Aras Bawah Zon B & Tingkat 1,  
Wisma Persekutuan Seberang Perai Utara,  
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang

☎ 04-5751911  
☎ 04-5751455  
🌐 [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)